



Buletin

Muharram 1447H/Julai 2025

ACIS



Festival Halal 1.0

eISSN 2600-8289



9 772600 828001



Sharing Session with Alumni UiTM



Oleh:
Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki
Pensyarah, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Kuala Pilah

Pada 13 Jun 2025, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Persatuan Diploma Pengurusan Halal (PDPH) telah menganjurkan Sharing Session with Alumni UiTM sempena Halal Festival 1.0 di Dewan Anjung Seri Perpatih, UiTM Kampus Kuala Pilah. Program yang dihadiri lebih 100 mahasiswa ini menjadi medan interaksi santai antara pelajar Diploma Pengurusan Halal dan alumni ACIS.

Tujuan utama program ini adalah memberi pendedahan mengenai hala tuju selepas pengajian diploma serta prospek kerjaya dalam industri halal. Forum santai ini menampilkan tiga alumni jemputan yang berkongsi pengalaman mereka, diselangi sesi soal jawab daripada mahasiswa yang hadir. Pelajar diberi peluang bertanya soalan berkaitan cabaran, kemahiran dan peluang yang ada dalam bidang halal. Sepanjang sesi, para peserta memperoleh banyak pengetahuan bermanfaat berkaitan dunia pekerjaan dan kepentingan mempersiapkan diri dengan ilmu serta integriti yang tinggi. Sesi perkongsian ini turut memberi motivasi kepada mahasiswa untuk terus bersemangat menamatkan pengajian dengan cemerlang, selain mengaplikasikan prinsip halal dalam kehidupan seharian.

Program ini juga menjadi penutup rasmi Halal Festival 1.0 yang berlangsung dengan penuh jayanya. Selain pengisian forum, sesi turut diwarnai dengan penyampaian cenderahati, sesi fotografi dan pengiktirafan e-Merit kepada peserta. Walaupun terdapat beberapa cabaran teknikal kecil, keseluruhan program berjalan lancar hasil kerjasama mantap antara jawatankuasa pelaksana, pensyarah serta mahasiswa yang terlibat.

Menurut maklum balas peserta, program ini bukan sahaja menambah ilmu malah membuka mata mereka tentang potensi besar dalam industri halal. Alumni yang hadir berjaya memberi inspirasi kepada pelajar untuk lebih fokus terhadap hala tuju akademik dan kerjaya. Kesimpulannya, Sharing Session with Alumni UiTM telah mencapai objektif dengan memberikan pendedahan, motivasi dan pengalaman berharga kepada mahasiswa Diploma Pengurusan Halal. Penganjuran sebegini wajar diteruskan kerana ia mampu menjadi pemangkin semangat serta membina nilai tambah kepada generasi pelapis dalam bidang halal.

